

TEKS UCAPAN

BRIG JENERAL DATO' PROF DR KAMARUDIN HUSSIN,

NAIB CANSELOR UniMAP

SEMPENA PROGRAM JEJAK KAMPUS D' PAUH,

PADA 16 SEPTEMBER 2009

Bismillah Hirahman Nirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh, Salam ramadhan.

Yang Berbahagia Prof. Dr. Sazali Yaacob, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Yang Berbahagia Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

Pegawai-pegawai Utama UniMAP, Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan UniMAP

Kontraktor Konsortium Pauh Indah (KPI), Perunding-perunding Projek

Urusetia-urusetia, staff-staff UniMAP serta para pelajar antarabangsa sekalian,

Good Evening, Wan Shang Hao, Maalai Vanakam, Ma Saan Khair, Ra Thri Sawat.

**Kampus Alam matlamat di hati,
Akan diusaha tidakkan mengalah,
Saya mengalu sesuci hati,
Kedatangan anda ke program jejak kampus d'Pauh.**

Bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wa Taala di atas limpah kurnia serta rezeki yang dicurahkan, kasih dan sayangNya mengizinkan kita semua hamba-nya dapat bersama-sama pada petang ini. Terima kasih saya ucapkan kepada semua ketua-ketua jabatan, staf dan para pelajar yang hadir pada petang ini untuk bersama-sama kita menjelajah kampus Alam ini dan berbuka puasa sambil menikmati keindahan alam semulajadi di sini.

Sedar tidak sedar kita sudah semakin hampir dipenghujung Ramadhan dan Syawal semakin menggantitiba. Saya berharap sepanjang tempoh sebulan kita berpuasa dapatlah kita sama-sama menunaikannya dengan sebaik mungkin sehingga ke penghujungnya.

Ladies and Gentlemen,

Alhamdulillah, thanks to Almighty Allah for it is with His blessings we are gathered here today for this *Jejak Kampus D'Pauh Programme*. I wish to express my heartiest congratulations to all the staff on their hard work and endless commitments in making this event possible.

Today is made more special for all of us as our main campus is ready to be occupied in December 2009. The “*Green Campus*” as we want it to be known, is surrounded by its exquisite flora and the natural greens. Looking at these two schools, Mechatronics and Manufacturing, I must say that I am very proud of our achievements. Let us all be grateful to Allah swt for having to come this far.

This annual program organized by the Department of Development is another measure taken by the university to update the progress of our main campus and to inculcate and inspire the spirit of togetherness especially to the International students, in line with our mission to be known as Campus of Unity.

Hadirin sekalian,

Program Jejak Kampus D' Pauh ini merupakan program tahunan yang dianjurkan Jabatan Pembangunan sempena bulan Ramadan Al-Mubarak ini. Melalui program ini saya percaya dapat memberikan pendedahan kepada pihak pengurusan UniMAP mengenai perkembangan pembinaan Kampus Tetap ini. Kampus yang kita Jejak pada petang ini telah menjadi kenyataan yang kita mampu merealisasikan sebuah Kampus Alam yang tersergam indah seperti diimpikan.

Sebagai Naib Canselor besarlah harapan saya agar kampus ini dapat disiapkan seperti yang dirancang dan mampu menjadi nadi penggerak kepada semua kakitangan UniMAP agar terus memantapkan Universiti ini.

Permulaan jejak kita di pintu masuk kampus Alam pada hari ini gah tersergam indah dua buah pusat pengajian kejuruteraan (PPK) yang telah siap dibina dalam projek pakej dua iaitu PPK Pembuatan dan PPK Mekatronik. Projek pembinaan kedua-dua PPK ini dijangka dapat beroperasi sepenuhnya pada Disember 2009 ini. Ini membuktikan kita sudah semakin hampir untuk memiliki sebuah kampus tetap seperti Institut Pengajian Tinggi lain.

Saya menyeru kepada semua ketua jabatan dan staf yang hadir pada hari ini untuk sama-sama kita mengambil peluang ini bagi mengenali kampus tetap UniMAP dengan lebih dekat lagi. Semoga program yang dianjurkan pada hari ini dapat menerapkan seberapa banyak semangat kekitaan dan menjadikan UniMAP dikenali sebagai kampus perpaduan.

Hadirin sekalian,

Untuk makluman semua yang hadir pada kali ini, suka saya maklumkan bahawa Malaysia Government Portals & Websites Assessment (MGPWA 2009) yang diselenggarakan oleh Multimedia Development Corporation (MDeC) telah mengisytiharkan Laman Web Rasmi UniMAP sebagai laman web TERBAIK di kalangan laman web IPTA lain di Malaysia. Pencapaian secara mendadak ini menunjukkan peningkatan markah daripada 41 markah keseluruhan pada tahun 2007 kepada 76 markah keseluruhan pada tahun 2009. Tangga kedua diikuti oleh USIM manakala UM di tangga ketiga.

Manakala di antara keseluruhan 1,192 laman web yang dinilai di seluruh Malaysia, Laman Web Rasmi UniMAP berada di tangga kelima. UniMAP hanya kekurangan 8 mata di

belakang Kementerian Kewangan Malaysia yang berada di tangga teratas. Pencapaian ini membuktikan kewibawaan Laman Web Rasmi UniMAP untuk bersaing dengan laman web universiti lain yang lebih senior. Bahkan kedudukan di tangga kelima keseluruhan turut memberi impak terbaik kepada kemajuan UniMAP di dalam pelbagai bidang.

Pada Julai lalu, UniMAP turut mencipta nama dalam webometric dengan berada di tangga ke-14 di antara universiti di seluruh Asia Tenggara manakala carta ke-745 bagi universiti seluruh dunia. Kedudukan UniMAP merupakan yang ke-3 tertinggi di kalangan universiti dari Malaysia, di dahului oleh UTM dan USM.

Syabas diucapkan kepada seluruh warga UniMAP terutama kepada pasukan Laman Web Rasmi UniMAP yang telah bertungkus-lumus membaiki kedudukan laman web UniMAP dari masa ke semasa. Suka saya ingatkan kepada semua staf agar bersama-sama melontarkan buah fikiran serta mengembangkan tenaga demi menjadikan UniMAP setaraf dengan IPTA lain dan secara tidak langsung mempromosikan UniMAP di persada antarabangsa. Insyaallah...

Akhir sekali saya mengharapkan komitmen yang padu dari semua pihak terutamanya pihak Kontraktor Reka dan Bina KPI serta Perunding-perunding dan Ketua-ketua Jabatan Unimap serta Unit Pengurusan projek UniMAP yang hadir pada petang ini dalam memastikan perlaksanaan projek sehingga 2010 dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Tahniah diucapkan kepada Jabatan Pembangunan UniMAP di atas perlaksanaan tugas yang baik dalam menjayakan program jejak kampus pada kali ini.

Saya sudahi dengan, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sekian.